

Eksplorasi Maksim Grice Lambang Kehalusan Berbahasa Masyarakat Melayu: Analisis dalam Filem *Dayang Senandong* (1965)

Exploitation of Grice's Maxims as A Symbol of Language Subtlety in A Malay Community:
An Analysis in The *Dayang Senandong* Film (1965)

NORHIDAYU HASAN, ZAITUL AZMA ZAINON HAMZAH, NOR AZUWAN YAAKOB & FAZILAH HUSIN

ABSTRAK

*Eksplorasi adalah istilah yang digunakan oleh Grice (1975) untuk merujuk pelanggaran maksim perbualan yang dilakukan penutur. Dalam Prinsip Kerjasama yang diasaskan oleh Grice (1975), terdapat empat maksim yang perlu dipatuhi oleh penutur bagi membantu menghasilkan komunikasi yang jelas selain mengurangkan salah faham. Namun, maksim ini sering dieksploitasi oleh penutur untuk menghasilkan implikatur. Eksploitasi maksim sering terjadi dalam komunikasi masyarakat Melayu sebagai satu lambang kehalusan berbahasa masyarakat Melayu. Fokus utama kajian ini adalah menganalisis ujaran yang terhasil daripada eksploitasi maksim Grice dalam komunikasi masyarakat Melayu dengan menggunakan filem sebagai sumber data. Bagi tujuan ini, analisis dilakukan pada dialog filem Melayu bertajuk *Dayang Senandong* yang diterbitkan pada tahun 1965. Filem ini dipilih kerana ia merupakan filem yang mempunyai satu gambaran dan panduan yang kukuh terhadap budaya dan bahasa masyarakat Melayu zaman dahulu. Prinsip Kerjasama Grice (1975) dan Teori Relevans (1986) telah diterapkan dalam penganalisan data yang terpilih. Berdasarkan data yang terkumpul terdapat 16 ujaran yang mengeksploitasi maksim Grice iaitu maksim kualiti, kuantiti, dan cara. Manakala, maksim hubungan tidak dieksploitasi dalam dialog filem tersebut. Eksploitasi maksim dalam komunikasi masyarakat Melayu melalui filem ini jelas membuktikan nilai kehalusan berbahasa masyarakat Melayu dengan penggunaan implikatur yang memerlukan pemahaman makna yang mendalam bagi menyampaikan sesuatu mesej dengan tepat.*

Kata kunci: Eksploitasi; maksim Grice; masyarakat Melayu; teori relevans; filem

ABSTRACT

*Exploitation (exploit) is a term used by Grice (1975) to explain the flouting of conversational maxims. In Cooperative Principles found by Grice, there are four maxims that speakers should follow in order to produce a clear communication hence to reduce any misunderstandings in communication. However, maxims are often exploited by the speakers thus producing an implicature. The study argued that Grice's Maxim exploitation often occurs in the communication of the Malay societies. In this case, the Malay language is seen as a symbol of subtle image of the community. This study analyses the Malay movie dialogue, *Dayang Senandong*, filmed in 1965. This movie was selected due to its strong reflection of the Malay community at that particular time. The main objective of this study was to analyze the utterance generated from the exploitation of Grice's maxims in the Malay community by using the dialog as a data source. The Cooperative Principles and Relevance Theory are applied to the analysis of selected data. The findings revealed 16 utterances that exploit Grice's maxims identified as quality, quantity, and manners. Meanwhile, the maxim of relation is not exploited in the dialogue of the film. The study concludes that exploitation of Grice's maxims in the Malay's communication clearly demonstrates the value of Malay's language subtlety with the use of implicature that require a deep understanding of the meaning for delivering a message accurately.*

Keywords: Exploitation; Grice's maxims; the Malay community; relevance theory, films

PENGENALAN

Penjelasan atau pengertian yang khusus berkaitan bahasa yang telah banyak dihujahkan oleh ahli bahasa secara tidak langsungnya memperincikan

kehebatan dan kepentingan bahasa kepada manusia. Bahasa menurut Bloomfield (1935) lebih menonjolkan aspek kewujudan bahasa adalah kerana keperluan manusia. Disebabkan keperluan manusia untuk berhubung, satu set ucapan yang

kompleks iaitu yang terdiri dengan lambang ucapan dicipta. Lambang ucapan ini didefinisikan sebagai bunyi bahasa dan satu rangsangan gerak balas yang diperlukan untuk manusia berkomunikasi. Yahya Othman (2005) turut mempersetujui hujah Bloomfield (1935) berkaitan bahasa dengan keperluan manusia. Bahasa dijadikan satu alat yang amat penting bagi manusia untuk membina hubungan dalam kehidupan mereka. Keperluan bahasa dalam kehidupan dapat dilihat menerusi peranan bahasa dalam semua aspek kehidupan seperti agama, pendidikan, ekonomi dan aktiviti sosial yang lain. Secara asasnya bahasa telah dijelaskan sebagai alat untuk manusia berkomunikasi antara satu sama lain iaitu satu proses yang melibatkan sebarang pemindahan idea, pemikiran, pendapat, fahaman atau perasaan.

Grice (1975) telah menyediakan satu prinsip yang menyenaraikan satu set panduan dan maksim yang diperlukan oleh manusia bagi memastikan satu proses komunikasi itu berjaya. Prinsip Kerjasama adalah prinsip yang diperkenalkan oleh Grice atas dasar keperluan memastikan komunikasi yang berjalan dapat memberikan faedah yang mencukupi kepada pendengar dan penutur. Grice (1975) telah menekankan bagaimana penutur dan pendengar perlu sama-sama patuh pada prinsip ini bagi memastikan mesej yang ingin disampaikan adalah jelas. Dalam Prinsip Kerjasama itu terdapat maksim yang membantu peserta komunikasi berkomunikasi dengan betul. Secara asasnya Prinsip Kerjasama adalah prinsip yang menekankan bahawa dalam perbualan seharusnya setiap peserta komunikasi mendapat faedah mengikut tujuan komunikasi yang berlangsung. Prinsip Kerjasama telah dibahagikan Grice (1975) kepada empat maksim iaitu maksim kualiti, kuantiti, hubungan dan cara. Pematuhan kepada kesemua maksim ini adalah penting bagi memastikan dalam perbualan, maklumat yang ingin disampaikan dapat diterima dengan jelas dan tepat. Maksim kualiti menekankan dalam komunikasi, penutur dan pendengar seharusnya menyampaikan mesej yang ternyata benar dan mempunyai bukti yang kukuh tentang mesej yang disampaikan. Maksim kuantiti pula menyarankan dalam komunikasi, penutur seharusnya menyampaikan maklumat bertepatan mengikut jumlah maklumat yang diharapkan dan diperlukan oleh pendengar. Setiap maklumat yang disampaikan kepada penutur haruslah relevan dengan matlamat komunikasi itu berlangsung adalah aspek yang ditekankan dalam maksim hubungan dan maksim cara menjelaskan dalam komunikasi, ujaran yang digunakan

seharusnya jelas tanpa hadirnya ungkapan yang samar ataupun ambiguiti (Grice 1975).

Walaupun Grice (1975) secara jelasnya telah menonjolkan kepentingan maksim ini dalam menjadikan sesuatu komunikasi itu tepat dan jelas. Namun, beliau tidak menolak kemungkinan bahawa maksim-maksim ini sentiasa tidak dihiraukan oleh peserta komunikasi. Peserta komunikasi adakalanya menyampaikan ujaran yang berbeza daripada apa yang dimaksudkannya. Keadaan ini dijelaskan Grice (1975) sebagai eksploitasi terhadap maksim. Perbuatan penutur yang sengaja menggunakan ujaran yang berbeza daripada apa yang ingin disampaikan dengan andaian bahawa pendengar sedar bahawa penutur sedang menyampaikan ujaran yang berbeza daripada apa yang dimaksudkan adalah satu situasi maksim sedang dieksploitasi. Eksploitasi maksim adalah satu keadaan apabila ujaran yang digunakan penutur melanggar maksim tetapi ujaran tersebut berhubung jalin dengan konsep utama Prinsip Kerjasama. Ketidapatuhan jenis eksploitasi ini berbeza dengan jenis ketidapatuhan maksim yang lain. Perkara yang ditekankan oleh Grice (1975) adalah eksploitasi maksim terjadi adalah kerana penutur ingin mewujudkan ujaran implikatur. Grice (1975) telah memperincikan bahawa implikatur adalah ujaran yang mengandungi makna yang berbeza atau melangkaui makna ujaran yang digunakan. Apabila ujaran implikatur digunakan, pendengar harus menginterpretasi ujaran dengan merujuk apa yang dimaksudkan oleh penutur bukan dengan melihat kepada apa yang dikatakan atau diujarkan oleh penutur. Eksploitasi maksim ini sebenarnya sesuatu perkara yang tidak asing dalam komunikasi kerana penutur kadangkala menggunakan ujaran implikatur dalam perbualan atas sebab dan niat tertentu. Eksploitasi maksim ini adalah paparan kebijaksanaan penutur menggunakan ujaran yang secara literalnya tidak memberikan maklumat yang dikehendaki pendengar. Namun, ujaran hasil eksploitasi maksim ini terbukti berhubung jalin dengan Prinsip Kerjasama Grice, sekali gus membuktikan penutur memberikan maklumat yang diinginkan pendengar.

Penggunaan ujaran yang berbeza daripada apa yang dimaksudkan atau dengan lebih tepat lagi penggunaan implikatur sebenarnya tidak asing lagi dalam komunikasi masyarakat Melayu. Wong (2013) menyatakan, penggunaan ujaran implikatur hasil daripada eksploitasi maksim sebenarnya mampu menggambarkan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam menyampaikan sesuatu mesej menerusi manipulasi peraturan asas komunikasi.

Tindakan orang Melayu yang menggunakan implikatur dalam komunikasi dapat memaparkan pegangan kesantunan dan kehalusan berbahasa yang telah lama menjadi amalan. Muhammad Zuhair Zainal, Ahmad Mahmood Musanif & Al-Amin Mydin (2018) berpendapat penggunaan ujaran tak langsung atau implikatur ketika menyampaikan idea, fahaman, pendapat atau perasaan seperti dalam situasi menyampaikan sindiran, kritikan, teguran, nasihat, dan pujian adalah lahir daripada kehalusan berbahasa masyarakat Melayu di samping pegangan yang kuat dalam menjaga air muka penutur mahupun pendengar ketika berkomunikasi.

Selaras dengan nilai kesopanan dan kehalusan berbahasa dalam kalangan masyarakat Melayu, Maksim Grice sering dieksploitasi oleh masyarakat Melayu. Hal ini didorong atas sebab jika sesuatu ujaran itu mematuhi kesemua maksim maka ujaran itu akan berpotensi untuk kedengaran kasar, canggung atau biadab kepada penutur mahupun pendengar. Dengan memilih untuk mengeksploitasi maksim, penutur tetap mematuhi Prinsip Kerjasama dan menghasilkan implikatur. Penggunaan metafora dan ironi adalah salah satu contoh penggunaan implikatur yang telah lama sebatian dengan komunikasi masyarakat Melayu. Penggunaan metafora ini secara tidak langsungnya menunjukkan masyarakat Melayu bijak mengeksploitasi Maksim Grice bagi membentuk mesej yang tepat. Penggunaan ujaran yang mengeksploitasi maksim ini telah banyak ditonjolkan dalam dialog filem Melayu lama iaitu filem yang terhasil pada tahun 1960-an. Filem adalah satu bentuk media yang telah lama menjadi medium penyampaian mesej, idea, nasihat, teladan, kritikan, pendapat, pemikiran dan fahaman mengikut gambaran watak yang dipaparkan berdasarkan olahan jalan cerita yang dicipta. Zulkifli Mohamad (2015) berpendapat, sebuah filem bukan sekadar karya seni tetapi dapat diangkat sebagai karya sastera kerana pengaruh yang dibawa oleh filem dalam menyebarkan fahaman dan pemikiran yang telah dirangkumkan dalam satu paparan cerita yang mempunyai had tempoh masa yang singkat. Jins Shamsudin (2014) menjelaskan, dialog filem Melayu lama dapat dijadikan sebagai penanda aras perbualan masyarakat Melayu yang tepat kerana filem yang dihasilkan ketika itu menggunakan bahasa Melayu hasil daripada pemikiran dan pegangan cara hidup masyarakat Melayu yang mementingkan kesopanan dan berbudi bahasa ketika bertutur, berbeza dengan filem kini. Satu analisis perlu dilakukan bagi mempamerkan nilai

kehalusan berbahasa masyarakat Melayu menerusi perbualan yang mengeksploitasi maksim. Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis ujaran yang mengeksploitasi Maksim Grice dalam komunikasi masyarakat Melayu dengan menggunakan filem Dayang Senandong (1965) sebagai sumber data.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Thakur (2016) telah memfokuskan kajiannya kepada kepatuhan Prinsip Kerjasama. Setiap maksim mempunyai kepentingannya yang tersendiri kerana setiap maksim itu mempunyai peranan yang cukup kuat dan menyediakan perincian yang boleh diikuti oleh peserta komunikasi bagi menyampaikan mesej yang tepat seperti yang dikehendaki pendengar. Tetapi kadang kala dalam sesuatu perbualan, sesuatu maksud perlu disampaikan dengan menggunakan ujaran melebihi atau kurang daripada apa yang dikehendaki oleh penutur. Apabila keadaan ini terjadi, maka terdapat dua kemungkinan iaitu sama ada pendengar sedar atau tidak bahawa penutur sengaja menggunakan ujaran tersebut. Hal ini penting untuk menentukan bahawa pendengar adalah pihak yang mendapat manfaat daripada komunikasi yang terjadi. Keadaan yang terjadi dalam situasi perbualan ini menunjukkan bahawa Prinsip Kerjasama adakalanya tidak dipatuhi oleh peserta komunikasi. Kajian Thakur (2016) memfokuskan kepada pengaruh pragmatik terutamanya aspek konteks terhadap perbualan yang berlaku berdasarkan Maksim Grice. Objektif utama kajian Thakur (2016) adalah menghuraikan keupayaan Maksim Grice dalam membantu pendengar mendapatkan inferens kepada ujaran yang berbeza daripada apa yang dimaksudkan oleh pendengar dengan menggunakan data dialog dalam novel sebagai data utama. Thakur (2016) mendapati bahawa pemerhatian penutur kepada Maksim Grice adalah dipengaruhi oleh faktor sosial seperti umur, jarak perhubungan, gender dan juga perkara yang bersifat larangan. Bagi ujaran yang tidak mematuhi maksim, pendengar perlu memahami makna ujaran tersebut bagi memahami niat dan sebab penutur menggunakan ujaran implikatur tersebut.

Kajian Foroogh Kazemi dan Anis Ebrahimi (2016) juga menerapkan pendekatan Prinsip Kerjasama dalam komunikasi dalam bentuk tulisan tetapi lebih memfokuskan kepada tulisan dalam akhbar. Foroogh Kazemi dan Anis Ebrahimi (2016) menjelaskan sebelum Prinsip Kerjasama

diperkenalkan lagi, manusia telah dilengkapi dengan pengetahuan asas mengenai keperluan menyampaikan maklumat yang dikehendaki pendengar dengan tepat dan jelas tanpa hadirnya sebarang ujaran atau kata yang boleh mengganggu penyampaian maklumat kepada pendengar. Data kajian Foroogh Kazemi dan Anis Ebrahimi (2016) adalah dipilih berdasarkan iklan yang terdapat dalam dua akhbar yang terkenal iaitu *Hamshahri* dan *Jame Jam*. Kajian Foroogh Kazemi dan Anis Ebrahimi (2016) tertumpu kepada kepatuhan dan ketidakpatuhan Maksim Kerjasama dalam data iklan yang terpilih. Analisis dilakukan dengan mengasingkan data iklan yang terpilih terlebih dahulu kepada jenis maksim kemudiannya dibahagikan mengikut pematuhan atau ketidakpatuhan pada maksim yang telah dikelaskan. Hasil daripada analisis 50 data yang terpilih, akhbar *Hamshahri* memaparkan iklan yang menggunakan ujaran yang tidak mematuhi maksim Grice terutamanya maksim kualiti, kuantiti dan cara. Begitu juga dengan keputusan yang diperoleh daripada analisis data akhbar *Jame Jam* yang tidak mematuhi maksim kualiti, kuantiti dan cara. Sebab utama ketidakpatuhan ini adalah kerana ingin menarik perhatian pembaca seterusnya mendorong pembaca untuk membeli atau menggunakan barangan atau perkhidmatan yang diiklankan.

Aristia Fatmawati (2017) berpendapat setiap masyarakat mempunyai cara penyampaian mesej yang tersendiri. Prinsip Kerjasama dapat membimbing penutur menyampaikan mesej dengan tepat dan jelas. Namun, oleh kerana pegangan nilai dan kepercayaan masyarakat, perbualan yang terhasil lazimnya tidak mematuhi Prinsip Kerjasama Grice. Kajian Aristia Fatmawati (2017) tertumpu kepada komunikasi masyarakat Samin yang mempunyai pegangan kuat akan pengaruh alam sekitar terhadap kehidupan dan rohani manusia. Akibat daripada pegangan dan kepercayaan ini, bahasa yang digunakan oleh masyarakat Samin banyak menggunakan ujaran kiasan atau implikatur. Analisis kajian Aristia Fatmawati (2017) adalah berkisar kepada huraian ujaran implikatur dengan meneliti pelanggaran yang terjadi sehingga menghasilkan ujaran implikatur. Pengumpulan data ujaran yang melanggar maksim Grice dikumpul oleh Aristia Fatmawati (2017) dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual. Berdasarkan analisis data, masyarakat Samin dilihat menggunakan ujaran implikatur hasil daripada pelanggaran maksim. Tetapi Aristia Fatmawati (2017) menegaskan bahawa implikatur tersebut

hanya boleh di tafsir oleh masyarakat Samin sahaja. Hal ini kerana konteks yang digunakan adalah berdasarkan konteks pegangan dan pengetahuan masyarakat Samin sahaja. Maka, ujaran yang digunakan tersebut dapat menimbulkan salah faham kepada pendengar bukan masyarakat Samin kerana tidak berkongsi konteks yang sama.

Apabila eksploitasi maksim menghasilkan implikatur yang memerlukan konteks melangkaui daripada konteks yang disediakan dalam ujaran, maka ini dapat dijelaskan sebagai implikatur perbualan khusus. Perkara ini telah dijelaskan dalam kajian Saragi (2016) yang memfokuskan kepada implikatur khusus dan umum yang terhasil daripada pelanggaran maksim Grice. Kajian Saragi (2016) tertumpu kepada komunikasi yang berlangsung dalam rancangan televisyen bual bicara santai untuk menganalisis jenis implikatur yang terhasil daripada pelanggaran maksim Grice dan tujuan pelanggaran itu terjadi. Hal ini kerana implikatur yang digunakan dalam ujaran tidak semestinya mempunyai konteks yang mencukupi berdasarkan ujaran yang digunakan, pendengar perlu merujuk konteks yang berada di luar lingkungan ujaran untuk memahami maklumat yang cuba disampaikan. Hasil kajian Saragi (2016) mendapati bahawa terdapat penggunaan ujaran yang melanggar maksim Grice iaitu maksim kualiti, kuantiti, hubungan dan cara. Kesemua maksim ini menghasilkan implikatur, sama ada implikatur perbualan khusus ataupun umum. Namun, implikatur khusus kurang digunakan berbanding implikatur umum kerana perbualan yang terjadi adalah bual bicara umum dan ditayangkan di televisyen dan perkara ini melibatkan penonton sebagai pendengar yang kedua. Jika pengacara dan tetamu jemputan menggunakan ujaran yang tidak mempunyai konteks yang sama dengan penonton, hal ini akan menyebabkan penonton sukar untuk memahami perkara atau topik yang dibincangkan. Saragi (2016) juga menyimpulkan bahawa pelanggaran maksim dalam bual bicara terjadi adalah kerana untuk menghiburkan penonton.

Jika kajian Saragi (2016) menghuraikan sebab pelanggaran maksim adalah kerana untuk menghiburkan penonton, kajian Jamilah, Noriah dan Noor Hafida (2017) pula menjelaskan pelanggaran dan pencabulan maksim adalah akibat daripada kekurangan penguasaan bahasa oleh penutur. Kajian Jamilah, Noriah dan Noor Hafida (2017) memfokuskan kepada pelanggaran maksim yang dilakukan oleh pelajar Cina dalam pembentangan kerja kursus yang dilakukan dalam bahasa Melayu. Hasil kajian Jamilah, Noriah dan Noor Hafida (2017)

mendapati bahawa pelanggaran dan pencabulan maksim yang dilakukan oleh pelajar adalah kerana pelajar kurang memahami soalan yang ditanya oleh pensyarah dan kurang fasih menggunakan ujaran bahasa Melayu. Keadaan ini berbeza dengan pelajar Melayu yang melanggar dan mencabul maksim untuk menimbulkan suasana jenaka.

Seterusnya, Indirawati (2018) pula menjalankan kajian yang hampir sama dengan kajian Saragi (2016) iaitu menggunakan data rancangan bual bicara sebagai data kajian. Namun, kajian Indirawati (2018) lebih memfokuskan kepada bual bicara bertemakan ekonomi, berbeza dengan Saragi (2016) yang memfokuskan kepada bual bicara bertemakan santai. Kajian Indirawati (2018) menggunakan data perbualan yang diambil daripada moderator dan tetamu jemputan dalam sebuah rancangan televisyen. Fokus utama kajian ini adalah menganalisis perbualan yang terdapat dalam rancangan tersebut dengan menggunakan aplikasi maksim perbualan Grice iaitu tertumpu kepada aspek pematuhan dan ketidakpatuhan maksim perbualan. Hasil analisis data, kajian Indirawati (2018) memperlihatkan kepatuhan maksim perbualan Grice hanya dilakukan oleh moderator berbeza dengan tetamu jemputan yang tidak mematuhi maksim perbualan khususnya maksim kuantiti dan cara. Kajian Indirawati (2018) mendapati bahawa moderator selaku pengacara mematuhi maksim perbualan adalah kerana beberapa etika rancangan tersebut iaitu untuk rujukan dan pendidikan. Manakala ketidakpatuhan yang dilakukan oleh tetamu jemputan pula adalah untuk menjadikan sesuatu isu yang dibincangkan itu lebih mudah difahami kepada penonton. Walaupun ketidakpatuhan terjadi dalam perbualan tersebut, hal ini tidak mengganggu pengaliran maklumat antara isu yang dibincangkan kepada penonton.

Sehubungan itu, berdasarkan tinjauan terhadap kajian lepas berkaitan maksim Grice dan implikatur perbualan, analisis yang telah dijalankan memperlihatkan pelbagai bentuk dan bahan kajian sama ada aplikasi maksim Grice dalam iklan, novel, temu bual ataupun perbualan langsung. Dapatan daripada tinjauan itu, kajian lepas lebih memperlihatkan kepada aspek pelanggaran yang memfokuskan kepada pencabulan maksim dan jika ada kajian berkaitan pelanggaran maksim tidak menghuraikan keseluruhannya eksploitasi maksim yang terjadi. Kajian yang ada adalah kajian yang memfokuskan kepada penutur bukan Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dan perbualan yang bersifat formal tanpa memperlihatkan pengaruh sosial yang

menyebabkan eksploitasi terjadi seperti umur, jantina, jarak perhubungan dan pegangan nilai kehalusan berbahasa dalam masyarakat. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada eksploitasi maksim Grice dalam perbualan masyarakat Melayu yang dipengaruhi dengan nilai kehalusan berbahasa yang telah menjadi pegangan hidup dengan menggunakan data filem Melayu sebagai bahan kajian.

METODOLOGI

Kajian ini adalah satu bentuk kajian kualitatif dengan menerapkan kaedah analisis data sebagai asas analisis data kajian. Pemilihan data dilakukan dengan memilih filem Melayu yang dihasilkan pada tahun 1960-an. Hal ini kerana filem yang dihasilkan pada tahun tersebut banyak mengandungi ujaran yang dapat menggambarkan pemakaian bahasa yang dipengaruhi oleh pegangan nilai kesopanan dan kehalusan berbahasa masyarakat Melayu (Fatin Rabiha & Zaitul Azma 2017). Maka filem yang dipilih iaitu filem Dayang Senandong (1965), ditonton dan diteliti penggunaan dialognya. Filem ini menarik kerana padat dengan penggunaan ujaran yang mengeksploitasi maksim Grice. Jalan cerita Dayang Senandong dan penggunaan dialognya adalah dicipta berpandukan fahaman, pegangan, falsafah dan adat masyarakat Melayu. Dialog yang bersesuaian dengan objektif kemudiannya disaring untuk dijadikan data kajian. Setelah ujaran yang melanggar maksim dikenal pasti, ujaran tersebut kemudiannya diasingkan mengikut jenis maksim Grice dan dihuraikan eksploitasi yang terjadi. Hasil penelitian mendapati bahawa terdapat 16 dialog yang mengeksploitasi maksim Grice dalam filem yang telah terpilih. Data ini kemudiannya dianalisis maknanya bagi menonjolkan aspek kehalusan berbahasa masyarakat Melayu. Sebab utama pemilihan 16 data tersebut ialah ia bertepatan dengan objektif kajian dan mematuhi konsep eksploitasi maksim menurut Grice (1975). Namun hanya 6 contoh dialog yang sahaja dijelaskan dalam artikel ini kerana contoh tersebut sudah memadai untuk menjelaskan aspek eksploitasi maksim dengan menggunakan Prinsip Kerjasama Grice (1975) dan juga Teori Relevans (1986).

PRINSIP KERJASAMA

Grice (1975) menjelaskan dalam sesebuah komunikasi, penutur dan pendengar harus saling bekerjasama dalam memberikan maklumat seperti mana yang dikehendaki antara satu sama lain.

Secara ringkasnya, Prinsip Kerjasama Grice (1975) menekankan pihak yang terlibat dengan perbualan mengharapkan orang yang menyumbang kepada perbualan itu juga memberi maklumat yang tepat, benar mengikut bukti, relevan dan dengan cara yang betul. Prinsip Kerjasama terbahagi kepada beberapa maksim kecil yang menjadi asas peraturan dalam sesuatu perbualan iaitu maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim hubungan, dan maksim cara. Maksim dapat dianggap sebagai penentu antara makna linguistik dan makna sebenar ujaran atau lebih ringkasnya maksim adalah asas kepada penjaan ujaran implikatur. Secara ringkasnya Prinsip Kerjasama Grice dapat diuraikan kepada empat maksim seperti berikut:

1. Maksim Kuantiti

Sumbangan maklumat yang diberikan adalah menepati apa yang diperlukan pendengar serta tidak menjelaskan maklumat lebih daripada apa yang diminta.

2. Maksim Kualiti

Penyataan atau sumbangan maklumat yang diberikan adalah satu maklumat yang benar dan yakin akan kebenaran sesuatu maklumat tersebut. Penutur seharusnya tidak menyatakan maklumat yang dirasakan tidak benar.

3. Maksim Hubungan

Maklumat yang diberikan harus relevan dan mempunyai perkaitan dengan topik perbualan yang sedang berlaku.

4. Maksim Cara

Sumbangan maklumat tersebut hendaklah jelas dan teratur. Selain itu, peserta komunikasi harus mengelakkan daripada penggunaan kata taksa yang boleh menyebabkan salah faham.

TEORI RELEVANS

Teori Relevans (1986) adalah satu teori yang menekankan bagaimana proses mental dan juga konteks berperanan dalam menginterpretasikan ujaran tersirat. Teori Relevans (1986) adalah satu teori yang dikembangkan berdasarkan asas Prinsip Kerjasama Grice (1975) yang menekankan ciri pertuturan manusia yang menyumbang kepada

jangkaan automatik pemahaman makna daripada ujaran penutur. Selain itu, Teori Relevans (1986) adalah terhasil menerusi gabungan maksim yang telah dijelaskan oleh Grice (1975). Teori Relevans (1986) ini juga menekankan jangkauan relevan penutur dan pendengar tentang apa yang diujarkan adalah satu ramalan yang cukup jelas untuk membantu memahami makna sebenar ujaran yang terhasil. Berikut adalah penjelasan tiga konsep utama Teori Relevans (1986).

1. Konteks

Sperber dan Wilson (1986) menjelaskan konteks sebagai seperangkat premis yang berfungsi dalam membantu menghuraikan atau menginterpretasikan ujaran. Konteks dibina secara psikologi oleh satu set andaian pendengar tentang dunia. Andaian ini akan mempengaruhi proses interpretasi ujaran. Konteks adalah andaian yang melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan keagamaan, kenangan lucu, andaian tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran yang berperanan dalam interpretasi makna. Konteks juga melibatkan maklumat tentang persekitaran fizikal. Konteks turut dijelaskan sebagai alam persekitaran, pergerakan individu seperti riak muka dan juga pengalaman atau pengetahuan sedia ada. Selain itu, konteks juga berubah mengikut kesesuaian apabila setiap maklumat baharu ditambah. Sperber dan Wilson (1986) menjelaskan bahawa setiap penambahan maklumat baharu akan mengubah beberapa pilihan andaian yang baharu. Penambahan maklumat baharu perlu diambil kira memandangkan interpretasi makna ujaran adalah berpandukan kepada maklumat yang diterima.

2. Kesan konteks

Sperber dan Wilson (1986) menjelaskan bahawa kesan konteks adalah penting dalam Teori Relevans. Kesan konteks yang lebih menunjukkan sesuatu ujaran yang disampaikan itu adalah relevan. Kesan konteks dibawa oleh proses mental iaitu satu proses yang melibatkan proses biologi atau usaha dan tenaga tertentu. Selain itu, dalam sesebuah perbualan juga pendengar akan memproses beberapa andaian awalan, penambahan maklumat baharu akan mengubah sesuatu konteks. Hal ini bermakna, pendengar akan membuat andaian baharu bagi mengelakkan kekeliruan setelah maklumat baharu diterima. Oleh itu bagi proses interpretasi makna ujaran, pendengar harus peka terhadap maklumat

dan arahan baharu. Malah, kemampuan ujaran menghubungkan konteks adalah penting bagi memastikan ujaran itu relevan.

3. Usaha memproses

Sperber dan Wilson (1986) menjelaskan usaha memproses dalam mencapai kesan konteks atau menghuraikan maksud sebenar ujaran adalah antara faktor yang diambil kira dalam menentukan ujaran tersebut relevan atau tidak. Dalam usaha memproses sesuatu ujaran, akan terdapat banyak cara yang dapat dilakukan bagi mencapai makna ujaran yang tepat. Penutur berperanan memilih cara atau konteks yang sesuai bagi memudahkan pendengar memahami makna sebenar yang ingin disampaikan. Usaha memproses adalah melibatkan interpretasi makna oleh mereka yang terlibat dalam sebuah perbualan.

RASIONAL APLIKASI PRINSIP KERJASAMA DAN TEORI RELEVANS

Saul (2002) berpendapat bahawa prinsip yang dijelaskan dalam Prinsip Kerjasama adalah prinsip yang memfokuskan kepada aspek penutur iaitu bagaimana penutur memanfaatkan sesuatu ujaran untuk kepentingannya. Dalam sesetengah komunikasi akan berlaku keadaan iaitu pandangan penutur dan pendengar adalah berbeza dengan apa yang dikatakan oleh penutur. Oleh itu pandangan penutur adalah penting bagi menghuraikan apa yang dimaksudkan penutur. Teori Relevans pula menekankan aspek pemahaman pendengar kepada ujaran penutur maka Prinsip Kerjasama dan Teori Relevans adalah kerangka teoretikal yang dapat diterapkan bersama-sama dalam menjelaskan sesuatu ujaran dalam komunikasi. Selain itu menurut Miranda (2013), Prinsip Kerjasama dan Teori Relevans adalah prinsip yang menganalisis ujaran untuk mendapatkan makna sebenar ujaran. Walaupun Teori Relevans mendakwa pecahan maksim seperti dalam Prinsip Kerjasama adalah tidak diperlukan kerana penutur hanya perlu mencari apa yang dimaksudkan oleh pendengar menerusi andaian berdasarkan pengetahuan tentang dunia tetapi Prinsip Kerjasama juga menunjukkan maksim yang berdasarkan konsep sosial seperti menjelaskan sesuatu yang benar, menyatakan perkara yang diperlukan iaitu terbukti sebagai suatu konsep yang secara jelasnya adalah sebahagian kepada pengetahuan tentang dunia seperti yang turut ditekankan dalam Teori Relevans. Maka analisis

maksim seharusnya menjadi sebahagian dalam analisis Teori Relevans dan begitu juga sebaliknya sebagai satu usaha untuk mendapatkan kesimpulan makna yang sebenar.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, ujaran yang mengeksploitasi maksim dianalisis dan dijelaskan bagi menonjolkan kehalusan berbahasa masyarakat Melayu berdasarkan teori pilihan. Sebanyak enam data yang terpilih dipersembahkan iaitu merangkumi ujaran yang mengeksploitasi maksim kuantiti, maksim kualiti dan maksim cara.

EKSPLOITASI MAKSIM KUANTITI DATA 1

- Tok Nujum : Kenapa pula dengan sifat yang ada sekarang ini ialah akibat suatu masa tuanku ada menghukum seorang orang hitam
- Raja : Orang hitam? Oh ya baru beta ingat, dia dihukum bunuh. Bukankah begitu Tok Wazir?
- Tok Wazir : *Benar tetapi sesudah itu barulah timbul yang dia kena fitnah dan orang yang membuat fitnah itu telah pun dihukum tuanku.*
- Raja : Akibat itu kah puteri beta dilahirkan hitam? Terkenankan orang itu.

Dalam dialog data 1 di atas, watak Raja, Tok Nujum dan Tok Wazir sedang berbincang mengenai hal anak Raja iaitu Dayang yang baru sahaja dilahirkan dengan keadaan berkulit hitam berbeza dengan bapanya yang berkulit cerah. Akibat daripada kemusykilan ini Raja telah meminta pendapat Tok Nujum mengenai keadaan anaknya. Tok Nujum menjelaskan bahawa sebab Dayang berkeadaan seperti itu adalah kerana perlakuan Raja terhadap seseorang yang berkulit hitam. Raja mengakui bahawa dia pernah menghukum seseorang yang berkulit hitam dan meminta kepastian berkenaan hal tersebut kepada Tok Wazir. Soalan Raja "*Bukankah begitu Tok Wazir*" merujuk kepada meminta kepastian Tok Wazir mengenai hukuman bunuh yang dikenakan kepada seorang yang berkulit hitam. Mengikut Prinsip Kerjasama, Tok Wazir seharusnya menjawab soalan Raja dengan menyatakan "ya" ataupun "tidak" dengan tanpa hadirnya ujaran lain yang boleh menyebabkan berlakunya kekeliruan.

Tok Wazir menggunakan ujaran “*benar*” dan ini merujuk kepada jawapan “*ya*” kepada soalan Raja namun Tok Wazir telah menambah beberapa ujaran tanpa permintaan Raja yang dapat dijelaskan sebagai implikatur iaitu “*tetapi sesudah itu barulah timbul yang dia kena fitnah dan orang yang membuat fitnah itu telah pun dihukum tuanku*” sebagai sebahagian jawapan kepada soalan Raja.

Jawapan yang diberikan oleh Tok Wazir jelasnya telah melanggar maksim kuantiti kerana Tok Wazir menyampaikan sesuatu maklumat lebih daripada maklumat yang diperlukan oleh pendengar. Grice (1975) telah menjelaskan bahawa maksim kuantiti adalah berkaitan dengan jumlah maklumat yang diberikan dalam ujaran. Maka pelanggaran ini dapat dijelaskan sebagai eksploitasi kerana dilakukan secara sengaja di atas niat dan tujuan yang tertentu dan bukan kerana untuk kepentingan penutur sahaja. Eksploitasi ini terjadi apabila Tok Wazir dengan sengaja melanggar maksim kuantiti seperti yang telah dijelaskan iaitu sumbangan maklumat yang diberikan haruslah bertepatan dengan kehendak dan kemahuan pendengar. Ngenget (2017) menjelaskan bahawa berdasarkan maksim kuantiti, ujaran yang menyatakan sesuatu maklumat melebihi daripada yang dikehendaki penutur dapat dijelaskan sebagai melanggar maksim kuantiti dan jika pelanggaran dilakukan dengan anggapan bahawa penutur dan pendengar sedar akan pelanggaran yang terjadi maka eksploitasi maksim telah berlaku untuk menghasilkan implikatur. Maka ujaran Tok Wazir tersebut dilihat telah mengeksploitasi maksim kuantiti untuk menghasilkan implikatur. Bagi menganalisis ujaran implikatur yang terhasil daripada eksploitasi maksim kuantiti maka ujaran “*benar tetapi sesudah itu barulah timbul yang dia kena fitnah dan orang yang membuat fitnah itu telah pun dihukum tuanku*” perlu dijelaskan mengikut konteks ujaran.

Berdasarkan ujaran “*tetapi sesudah itu*”, kata “*itu*” merujuk kepada hukuman bunuh yang telah dikenakan kepada orang yang berkulit hitam oleh Raja. Tok Wazir juga telah menggunakan kata “*fitnah*” yang boleh memberikan rujukan kepada interpretasi makna implikatur ini. “*Fitnah*” merujuk kepada tuduhan yang telah dibuat oleh individu atau kumpulan yang sengaja direka untuk memburukkan individu atau kumpulan yang lain di atas sebab untuk memberikan kesusahan. Dalam konteks persekitaran, Raja, Tok Wazir dan Tok Nujum adalah watak yang hidup pada zaman kesultanan Melayu lama yang pada ketika itu menjadikan Raja sebagai sumber utama perundangan dan tunjang

pemerintahan. Selaras dengan pernyataan bahawa Raja adalah pemegang sesebuah kerajaan dan berada di tingkat yang paling atas dalam sistem pemerintahan kerajaan tersebut serta memegang kuasa yang besar (Ding 2009). Setiap hukuman adalah perlu melalui dan diteliti oleh Raja yang dibantu oleh golongan pembesar dan hanya Raja yang berhak menjatuhkan hukuman bunuh untuk sebarang kesalahan. Hal ini telah dijelaskan oleh Jelani Harun (2008) dalam penyataannya yang berikut:

Salah satu kuasa mutlak raja yang telah disuratkan dalam undang-undang adat Melayu adalah dalam hal menjatuhkan hukuman bunuh terhadap rakyat. Pada asasnya, hanya raja yang mempunyai kuasa menjatuhkan hukuman bunuh terhadap rakyat.

(Jelani Harun 2008: 41)

Jika konteks berkaitan kekuasaan Raja dihubungkan dengan ujaran “*dia kena fitnah*”. Hal ini jelas menunjukkan eksploitasi maksim kuantiti Tok Wazir adalah untuk menyatakan implikatur bahawa “*Raja telah melakukan kesalahan ketika menjatuhkan hukuman sehingga orang yang tidak bersalah telah dihukum bunuh*”.

- Premis
- 1) Raja berkuasa menentukan hukuman
 - 2) Raja seharusnya bersikap adil dan saksama
 - 3) Menghukum bunuh seseorang tanpa siasatan yang mendalam
 - 4) Raja bersalah kerana menghukum orang yang tidak bersalah.

Kesimpulan implikatur : Perbuatan Raja menghukum bunuh orang itu adalah satu perbuatan yang salah

Ujaran “*tetapi sesudah itu barulah timbul yang dia kena fitnah dan orang yang membuat fitnah itu telah pun dihukum tuanku*” pada asalnya dilihat sebagai ujaran yang membekalkan maklumat yang berlebihan dan tidak diperlukan oleh Raja tetapi ujaran tersebut adalah eksploitasi maksim kuantiti yang dilakukan oleh Tok Wazir untuk menyatakan implikatur “*memang benar Raja telah menghukum seseorang yang berkulit hitam tetapi Raja telah tersilap membuat keputusan dan menjatuhkan hukuman tanpa usul periksa*”. Kesimpulan implikatur itu adalah relevan dengan konteks yang dibekalkan dalam kata “*fitnah*” iaitu Raja telah tersilap menjatuhkan hukuman pada orang yang tidak bersalah kerana, kata “*fitnah*” itu sendiri merujuk kepada seseorang yang menerima

kesan kepada tuduhan yang direka-reka. Eksploitasi maksim itu difahami oleh Raja kerana sejurus itu Raja menyatakan ujaran “*akibat itu kah puteri beta dilahirkan hitam?*” merujuk kepada kesalahan menghukum bunuh seseorang yang tidak bersalah menyebabkan anaknya menerima balasan. Niat dan tujuan implikatur itu digunakan dapat dijelaskan dengan meneliti maksud sebenar ujaran implikatur tersebut. Eksploitasi yang terjadi adalah sebagai tindakan Tok Wazir mengkritik perbuatan Raja yang telah menghukum seseorang yang tidak bersalah. Pop (2010) berpendapat eksploitasi maksim kuantiti adalah salah satu cara yang digunakan oleh penutur untuk menyatakan sesuatu dakwaan yang bersifat tegas. Maka eksploitasi ini berlaku adalah kerana perbezaan status sosial antara Raja dengan Tok Wazir. Setiap dakwaan atau tuduhan kepada Raja tidak boleh dinyatakan secara langsung. Raja pada ketika itu adalah golongan bangsawan dan pemerintah manakala Tok Wazir hanya pembantu kepada raja, maka setiap kritikan atau pendapat perlu dinyatakan secara kiasan kerana perasaan hormat kepada Raja.

EKSPLOITASI MAKSIM KUANTITI DATA 2

Raja : Nujum, apakah puteri beta akan berupa ini seumur hidupnya?
 Tok Nujum : Menurut ramalan patik, puteri tuanku akan terlepas daripada sumpahan itu jikalau tidak tinggal di lingkungan istana dan hendaklah dipisahkan dari kerabat diraja.

Ujaran “*puteri tuanku akan terlepas daripada sumpahan itu*” adalah satu ujaran yang turut mengeksploitasi maksim kuantiti kerana memberikan maklumat yang kurang daripada yang dikehendaki pendengar untuk menghasilkan implikatur perbualan. Dalam dialog data 2 di atas, watak Raja dan Tok Nujum sedang berbincang mengenai perihal Dayang, anak kepada Raja tersebut yang berkulit hitam akibat daripada perbuatan Raja yang tersalah menghukum seseorang yang tidak bersalah. Oleh kerana perbuatan Raja yang menghukum tanpa usul periksa yang lanjut maka anaknya menerima akibat, iaitu menerima sumpahan menjadi seseorang yang berkulit hitam. Jadi dalam ujaran Raja “*berupa*” adalah merujuk kepada keadaan berkulit hitam.

Atas kebimbangannya, Raja telah bertanya kepada Tok Nujum adakah anaknya akan berkulit

hitam seumur hidupnya menerusi ujaran “*apakah puteri beta akan berupa ini seumur hidupnya?*”. Berdasarkan pertanyaan Raja, jelas sekali Raja mahu jawapan yang tepat daripada Tok Nujum tetapi Tok Nujum telah menggunakan ujaran yang mengeksploitasi maksim kuantiti bagi menghasilkan implikatur. Pelanggaran maksim kuantiti adalah melibatkan maklumat yang dibekalkan oleh penutur adalah sedikit dan dilihat tidak memenuhi keperluan perbualan. Namun, dengan menghubungkan jalinkan ujaran tersebut dengan Prinsip Kerjasama, maka ujaran tersebut dapat membekalkan inferens kepada maklumat yang dikehendaki oleh penutur (Pop 2010). Selaras dengan penjelasan Pop (2010), berdasarkan ujaran yang ujaran oleh Tok Nujum kata yang dapat menjadi inferens dan membekalkan maklumat tambahan adalah menerusi kata “*lepas*”. Kata “*lepas*” secara literalnya mempunyai dua maksud yang berbeza iaitu (1) *bebas dari ikatan, tahanan atau pertalian* dan (2) *sudah berlaku*.

Leech (1983) menjelaskan bahawa dalam interpretasi ujaran melibatkan satu proses tekaan atau dengan istilah yang lebih tepat adalah hipotesis. Dengan merujuk kepada hujah Leech (1983) maka dua makna kata “*lepas*” disesuaikan dalam ujaran tersebut. Jika kata menggunakan maksud lepas (1), ujaran tersebut akan membawa maksud “*puteri akan bebas daripada sumpahan tersebut*” dan jika menggunakan maksud lepas (2) akan membawa kepada tafsiran “*puteri akan sudah berlaku sumpahan itu*”.

Dalam proses interpretasi yang terhasil, kemungkinan semua hipotesis yang terhasil akan menjurus kepada satu maksud sebenar penutur dan jika perkara ini berlaku akan terjadinya salah tafsir ujaran (Shimp 1983). Namun dakwaan Shimp (1983) dapat disangkal apabila penjelasan makna literal ujaran Tok Nujum menggunakan kata lepas (2) adalah tidak relevan kerana tidak menyediakan satu ujaran yang tepat daripada diksinya. Maka “*lepas*” dalam ujaran “*puteri tuanku akan terlepas daripada sumpahan itu*” membawa maksud puteri akan bebas daripada sumpahan tersebut. Berdasarkan konteks pemahaman pendengar terhadap kata “*lepas*” beberapa premis yang dapat dibentuk iaitu:

- Premis 1) Puteri boleh bebas daripada sumpahan itu
- 2) Sumpahan akan terhapus jika beberapa syarat dituruti.

Menerusi ujaran yang hadir selepas itu, “*jikalau tidak tinggal di lingkungan istana dan hendaklah*

dipisahkan dari kerabat diraja” adalah merujuk kepada konteks kepercayaan Tok Nujum tentang keadaan puteri Raja tersebut yang hanya akan terlepas daripada sumpahan jika tidak tinggal di istana dan jauh daripada kerabat diraja dapat menjadi konteks kepada ujaran implikatur tersebut. Berdasarkan konteks pengetahuan pendengar dengan apa yang dimaksudkan dengan “*lepas*” dan konteks kepercayaan Tok Nujum akan keadaan puteri tersebut maka kesimpulan implikatur yang dapat dihasilkan adalah “*puteri tidak akan berkulit hitam seumur hidupnya*”. Walaupun maklumat yang dibekalkan Tok Nujum telah melanggar maksim kuantiti dengan memberikan maklumat yang tidak mencukupi, eksploitasi terhasil kerana Tok Nujum ingin menghasilkan implikatur dengan tujuan menjaga hati dan perasaan Raja. Eksploitasi maksim kuantiti adalah berlaku apabila penutur ingin menghasilkan implikatur dengan tujuan menjaga perasaan pendengar apabila menyatakan sesuatu perkara yang dirasakan sensitif atau dapat melukakan hati pendengar (He 2012). Eksploitasi maksim ini dapat menonjolkan aspek kesantunan masyarakat Melayu yang peka dengan keadaan perasaan pendengar dan berusaha untuk menjaga hati pendengar jika berbicara perkara yang boleh merunsingkan dan memberi kebimbangan kepada pendengar.

EKSPLOITASI MAKSIM KUALITI DATA 3

Raja Iskandar, cincin ini mohor lambang negeri ini, kau akan ditabalkan menjadi raja di Ratnapura ini. Ayah telah mengajar kau apa yang patut sebagai raja. *Kau umpama matahari. Gunung dan lembah biarlah sama diterangi*. Janganlah memerintah mengikut nafsu sendiri. Bermaufakatlah dengan Tok Wazir dan segala pembesar negeri.

Dalam ujaran “*Kau umpama matahari. Gunung dan lembah biarlah sama diterangi*” terdapat implikatur kerana ujaran tersebut telah mengeksploitasi maksim kualiti bertepatan dengan hujah Ngenget (2017) bahawa eksploitasi maksim terjadi adalah apabila ujaran yang disampaikan tidak membekalkan maklumat yang benar atau betul. Dalam maksim kualiti penutur seharusnya menyatakan perkara yang benar dan dipercayai serta mempunyai bukti yang kukuh. Tetapi dalam ujaran “*Kau umpama matahari. Gunung dan lembah biarlah sama diterangi*”, eksploitasi maksim kualiti dilakukan adalah kerana penutur ingin mendorong pendengar

meneliti makna lain daripada ujaran tersebut. Pop (2010) menjelaskan, ujaran yang mengeksploitasi maksim kualiti menggunakan maklumat yang tidak benar berdasarkan unsur kiasan yang digunakan, maka jika pendengar menganggap bahawa penutur bekerjasama dalam perbualan tersebut, pendengar dapat simpulkan bahawa ujaran yang melanggar maksim kualiti tersebut adalah sebagai unsur perbandingan kepada maksud yang ingin disampaikan penutur.

Dalam dialog data 3 di atas adalah menunjukkan ujaran watak Raja kepada anaknya, Putera Iskandar yang akan ditabalkan sebagai raja apabila penutur melepaskan takhtanya sebagai raja di Ratnapura. Ujaran “*Kau umpama matahari. Gunung dan lembah biarlah sama diterangi*” merujuk kepada eksploitasi maksim kualiti adalah kerana Raja merujuk Putera Iskandar umpama matahari. “*Umpama*” dalam ujaran ini membawa maksud Putera Iskandar tiada bezanya dengan matahari. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Raja tidak memberikan maklumat yang tepat dan benar apabila menyatakan Putera Iskandar sama seperti matahari. Tetapi ini tidak bermakna ujaran Raja itu adalah tidak mempunyai makna yang tepat walaupun daripada segi faktanya seorang manusia tidak akan sama dengan matahari sama ada daripada segi sifat, rupa atau bentuknya. Dengan eksploitasi maksim kualiti, ujaran Raja mempunyai implikatur yang perlu difahami oleh Putera Iskandar.

“*Kau umpama matahari. Gunung dan lembah biarlah sama diterangi*” adalah ujaran berbentuk simile kerana penggunaan kata banding iaitu “*umpama*”. Simile adalah sama sifatnya dengan metafora bertepatan dengan pendapat Carston (2012). Carston (2012) menjelaskan berkaitan simile dan metafora adalah di bawah satu konsep yang sama dengan hasil interpretasi maknanya adalah berdasarkan persamaan dengan aspek kiasan yang digunakan. Perkara ini juga telah dijelaskan sebelum ini oleh Tirrell (1991) dengan menyifatkan simile sebagai metafora versi yang lebih halus. Ujaran yang mengandungi metafora, ironi, hiperbola dan simile dapat diklasifikasikan sebagai ujaran yang mengeksploitasi maksim kualiti kerana melanggar maksim tersebut untuk menyampaikan maksud sebenar penutur dengan menggunakan unsur perbandingan secara langsung atau tidak langsung ataupun menggunakan ujaran yang bertentangan bagi kes ujaran ironi. Asasnya ujaran tersebut mengeksploitasi maksim kualiti dengan menggunakan unsur atau elemen yang tidak mempunyai bukti yang kukuh atau

benar dan sebagai memberi kepentingan kepada penutur menyampaikan maklumat yang tepat dengan anggapan bahawa pendengar sedar akan eksploitasi yang terjadi maka ujaran tersebut dapat disahkan sebagai eksploitasi maksim kualiti kerana pelanggaran yang terhasil adalah diketahui oleh pendengar (Rundquist 1991).

Dalam data 3, konteks pemula yang baik adalah pengetahuan pendengar dengan apa yang dimaksudkan dengan “Matahari”, “Gunung” dan “Lembah”. “Matahari” secara literalnya merujuk kepada bintang yang menjadi sumber utama kepada planet lain khususnya bumi terutamanya sumber haba dan cahaya. “Gunung” pula merujuk kepada bukit yang tinggi dan besar kontradik sifatnya dengan “Lembah” iaitu tanah rendah. Pengetahuan pendengar dengan apa yang dimaksudkan dengan kata “matahari”, “gunung” dan “lembah” dapat menjadi inferens kepada pemahaman implikatur tersebut. Berdasarkan ujaran “*Kau umpama matahari. Gunung dan lembah biarlah sama diterangi*” Raja menyifatkan Putera Iskandar sebagai matahari iaitu manusia yang mempunyai sifat, rupa dan bentuk yang sama seperti matahari tetapi dengan pengetahuan yang ada pada pendengar melalui inferens yang dicapai, pendengar dapat mengetahui matahari di sini merujuk kepada sifatnya sebagai ketua negeri. Manakala, “gunung” dan “lembah” merujuk kepada tingkat lapisan masyarakat di negeri Ratnapura. Hal ini bertepatan dengan konteks kata “lembah” yang berasosiasi dengan keadaan hina ataupun rendah manakala “gunung” berasosiasi dengan kedudukan yang tinggi.

- Premis 1) Putera Iskandar adalah matahari yang perlu menerangi lembah dan gunung sama adil
2) Putera Iskandar perlu menjaga rakyatnya tidak kira golongan kaya mahupun miskin

Kesimpulan implikatur: Putera Iskandar perlu memerintah dengan adil

Berdasarkan konteks, eksploitasi maksim kualiti data 3 di atas adalah membawa implikatur “*Putera Iskandar perlu bersikap adil dan saksama*”. Kesimpulan implikatur ini adalah relevan dan dapat dikukuhkan dengan ujaran yang hadir selepas itu “*Janganlah memerintah mengikut nafsu sendiri. Bermuafakatlah dengan Tok Wazir dan segala pembesar negeri*”. “Nafsu” dalam ujaran yang hadir selepas itu telah dapat membekalkan

maklumat tambahan iaitu pemerintahan mengikut nafsu adalah pemerintahan yang mengikut kemahuan hati tanpa pertimbangan akal. Ujaran yang hadir selepas itu dapat dihubungkan dengan kesimpulan implikatur yang terhasil. Menerusi eksploitasi maksim itu, implikatur yang terhasil adalah bertujuan untuk menasihati Putera Iskandar tentang cara pemerintahan negeri yang tepat dan betul. Interpretasi ujaran ini memerlukan usaha yang sedikit kerana Raja mengeksploitasi ujaran dengan menggunakan unsur perbandingan yang jelas. Eksploitasi ini juga menunjukkan kehalusan berbahasa masyarakat Melayu dalam menasihati dan juga memberi pesanan mengenai hal kehidupan. Nasihat tersebut tidak disampaikan secara langsung tetapi menggunakan ujaran yang mengandungi perbandingan yang jelas sekali mengeksploitasi maksim kualiti bagi mengukuhkan lagi nilai dan makna sesuatu nasihat itu.

EKSPLOITASI MAKSIM KUALITI DATA 4

Ngah : *Kau ni nampak kecil, tapi berat sangat la Kecut. Apa kau ni banyak dosa ke?*

Ujaran “*Apa kau ni banyak dosa ke?*” dapat dijelaskan sebagai ujaran yang mengeksploitasi maksim kualiti bagi tujuan jenaka dalam pernyataan watak Ngah. Ujaran tersebut secara dasarnya membawa maksud pertanyaan tetapi sebenarnya ujaran tersebut bukanlah berbentuk pertanyaan namun lebih kepada pernyataan tentang berat badan watak Kecut. Kata “*banyak dosa*” dapat diuraikan sebagai ujaran yang melanggar maksim kualiti. Berdasarkan konteks persekitaran, Ngah diarahkan oleh Raja Kamar untuk mengangkat Kecut di atas bahunya supaya memudahkan Kecut untuk melihat wajah orang yang sedang menyanyi di sebalik tembok yang tinggi ketika di Pulau Senandung. Apabila Kecut cuba memanjat belakang Ngah, Ngah telah mengujarkan ujaran data 4 tersebut. Ujaran ni telah melanggar maksim kualiti kerana Ngah telah menyatakan perkara yang tidak benar dan tidak mempunyai bukti. Ngah telah mengeksploitasi maksim kualiti dengan memberikan maklumat yang tidak benar iaitu badan kecut yang berat adalah kerana dosa. “Dosa” merujuk kepada makna literalnya adalah perbuatan yang bertentangan dengan perintah tuhan atau agama. Maka “dosa” dapat dijelaskan sebagai satu perkara yang tidak konkrit atau abstrak yang tidak boleh diukur, ditimbang secara fizikal di dunia nyata. Penggunaan “dosa” dalam ujaran

Ngh adalah jelas sekali menunjukkan Ngh tidak memberikan maklumat atau fakta yang benar iaitu seorang manusia tidak akan bertambah atau berkurang berat badannya hanya kerana dosa kerana dosa adalah sesuatu yang tidak boleh ditimbang atau diukur secara fizikal. Berbeza dengan makna literal yang menunjukkan pertanyaan, ujaran Ngh adalah bentuk pernyataan kepada berat watak Kecut namun dinyatakan secara berlebih-lebihan dengan menggunakan unsur hiperbola. Grice (1975) telah menjelaskan kesemua penggunaan ujaran yang menggunakan hiperbola sebagai ujaran yang melanggar maksim kualiti. Carston (2012) berpendapat, ujaran yang menggunakan unsur figuratif seperti hiperbola adalah ujaran yang tidak benar, tidak berinformatif ataupun tidak relevan. Jika unsur figuratif ini digunakan, penutur mahu pendengar melakukan proses interpretasi ujaran dengan menggunakan inferens yang dibekalkan bagi mengetahui maklumat sebenar yang ingin disampaikan.

Ujaran “*Apa kau ni banyak dosa ke?*” adalah membawa implikatur “*badan kecut sangat berat walaupun badannya kecil*”. Kesimpulan ini adalah relevan kerana dapat dihubungkan dengan ujaran yang hadir sebelum itu “*kau ni nampak kecil, tapi berat sangat la kecut*” yang merujuk kepada badan Kecut yang kecil tetapi sangat berat. Menerusi eksploitasi dengan menggunakan hiperbola iaitu menyatakan Kecut adalah berat kerana mempunyai dosa yang banyak, implikatur yang terhasil adalah disebabkan perasaan tidak puas hati watak Ngh kerana terpaksa mengangkat Kecut. Eksploitasi yang berlaku juga adalah disebabkan Ngh ingin mewujudkan satu unsur jenaka dengan menyatakan Kecut berat kerana dosa bertepatan dengan pendapat Taberski (1998) bahawa dalam jenaka yang terhasil sudah semestinya terdapat implikatur yang ingin disampaikan oleh penutur.

Menurut Fareed Hameed dan Waleed Ridha (2016), maksim kualiti lazimnya dieksploitasi oleh penutur untuk mewujudkan unsur jenaka dengan penggunaan hiperbola atau ironi. Oleh kerana jarak perhubungan yang rapat iaitu Kecut dan Ngh bersahabat baik, maka eksploitasi yang menghasilkan implikatur hiperbola itu adalah bertujuan untuk berjenaka serta menyatakan perasaan tidak puas hati penutur. Perkara ini telah menggambarkan kebijaksanaan orang Melayu dalam menggunakan bahasa ketika menyatakan perasaan tidak puas hati dalam keadaan berjenaka.

EKSPLOITASI MAKSIM CARA DATA 5

- Dayang : Nanti abang tak sayang pada saya.
 Raja Kamar : *Abang tak meletakkan kasih sayang pada rupa atau pun warna kulit sayang. Percayalah.*

Dalam contoh di atas, ujaran “*abang tak meletakkan kasih sayang pada rupa atau pun warna kulit*” dapat diklasifikasikan sebagai ujaran yang mengeksploitasi maksim cara untuk membentuk satu ujaran implikatur. Ujaran “*nanti abang tak sayang pada saya*” oleh watak Dayang telah jelas menyatakan bahawa Raja Kamar tidak akan menyayanginya lagi. Kata “*Nanti*” dalam ujaran Dayang bermaksud waktu yang akan datang dan ini telah memberikan konteks bahawa sebelum perbualan ini berlangsung Raja Kamar telah menyayangi Dayang.

Dialog data 5 di atas adalah merujuk kepada watak Dayang dan Raja Kamar pada hari Raja Kamar melihat wajah sebenar Dayang sejeurus sahaja dia menikahi Dayang. Sebelum menikahi Dayang, Raja Kamar tidak pernah melihat wajah Dayang dan hanya kerana suara Dayang, Raja Kamar mengambil keputusan untuk menikahi Dayang. Situasi ini bertepatan dengan konteks bahawa Raja Kamar telah pun menyayangi Dayang sebelum mereka berkahwin lagi. Namun apabila Raja Kamar melihat wajah Dayang, Raja Kamar seolah-olah terkejut dan perkara ini telah membuatkan Dayang sedih sehingga Dayang beranggapan bahawa Raja Kamar tidak akan sayang kepadanya selepas melihat wajahnya menerusi ujaran “*Nanti abang tak sayang pada saya*”.

Berdasarkan ujaran Dayang, ujaran tersebut jelas sekali satu bentuk dakwaan bahawa Raja Kamar tidak akan sayang kepadanya kerana kulitnya yang hitam. Raja Kamar seharusnya menyatakan persetujuan atau pun tidak bersetuju dengan dakwaan Dayang iaitu sama ada menggunakan ujaran “tidak” atau “ya”. Raja Kamar menggunakan ujaran yang mengeksploitasi maksim cara dengan memberikan maklum balas menggunakan ujaran yang tidak langsung. Grice (1975) telah menjelaskan bahawa dalam komunikasi, jika penutur menggunakan ujaran yang samar atau ambiguiti maka ujaran tersebut dapat dijelaskan sebagai ujaran yang melanggar maksim cara. Tetapi ini tidak membawa maksud eksploitasi maksim cara yang dilakukan Raja Kamar adalah bertujuan untuk menjadikan Dayang salah

faham akan ujarannya tetapi mengukuhkan lagi makna yang ingin disampaikan oleh Raja Kamar. Eksploitasi tersebut dilakukan kerana niat dan tujuan untuk memujuk Dayang dengan melanggar maksim cara iaitu penutur membuat dakwaan secara terus kepada pernyataan yang diujarkan (Pop 2010).

Ujaran yang diberikan oleh Raja Kamar "*abang tak meletakkan kasih sayang pada rupa atau pun warna kulit*" adalah satu ujaran yang mengeksploitasi maksim cara iaitu menyatakan ujaran dengan tidak jelas bagi menghasilkan satu implikatur selari dengan pendapat Thomas (1995), bahawa penggunaan ujaran yang mengeksploitasi maksim cara akan menghasilkan implikatur yang menyaranakan pendengar mencari maklumat tambahan bagi menghasilkan kesimpulan implikatur.

- Premis 1) Tidak sayang seseorang kerana rupa dan warna kulit
 2) Kasih sayang tidak dipengaruhi oleh rupa atau warna kulit

Rupa dan warna kulit dalam ujaran Raja Kamar adalah merujuk kepada keadaan rupa dan warna kulit yang gelap. Perkara ini dapat dijelaskan dengan melihat ujaran yang hadir selepas itu "*adakah gelapnya malam ini boleh kita katakan buruk Dayang?*". Maka konteks utama dalam ujaran ini adalah warna kulit yang hitam. Berdasarkan premis yang terhasil menerusi ujaran Raja Kamar "*abang tak meletakkan kasih sayang pada rupa atau pun warna kulit*" adalah Raja Kamar akan tetap sayang kepada Dayang walaupun kulit Dayang yang berwarna gelap. Berdasarkan ujaran yang hadir selepas itu juga "*abang fikir dalam gelap begini banyak kecantikannya, begitu juga kau Dayang*", Raja Kamar telah membekalkan konteks kepercayaannya iaitu walaupun hitam dan gelap pasti ada kecantikannya tersendiri. Maka kesimpulan implikatur Raja Kamar akan tetap menyayangi Dayang walaupun rupa Dayang yang hitam adalah relevan kerana berhubung dengan maklumat tambahan yang dibekalkan oleh Raja Kamar menerusi konteks kepercayaan dalam ujaran yang hadir selepas itu.

Eksploitasi ujaran yang dilakukan oleh Raja Kamar adalah untuk menambahkan keyakinan kepada Dayang tentang perasaannya terhadap Dayang. Ujaran yang digunakan oleh Raja Kamar telah menunjukkan nilai kehalusan berbahasa masyarakat Melayu sebagai satu seni dalam memujuk bertepatan dengan hujah He (2012) yang menyatakan keunikan

bahasa masyarakat timur adalah terletak kepada nilai bahasanya yang halus ketika menyatakan sesuatu ujaran dengan menggunakan ujaran samar atau ambiguiti. Eksploitasi maksim cara jelas menunjukkan bagaimana Raja Kamar menggunakan ujaran yang berbeza untuk menyangkal dakwaan Dayang yang dia tidak akan sayang kepada Dayang kerana Dayang berkulit hitam. Dengan melanggar maksim cara untuk menghasilkan implikatur Raja Kamar telah mengeksploitasi maksim cara.

EKSPLOITASI MAKSIM CARA DATA 6

Dayang : Tengku, patik rasa sudah sampailah ketikanya patik nak melahirkan anak, tengku. Tolonglah panggilkan bidan istana.
 Tengku : *Kenapa aku mesti bersusah payah?* Keluar. Aku tak mahu kau mengotorkan istana.

Dalam dialog data 6 di atas, watak Dayang yang sedang kesakitan kerana ingin bersalin dan meminta kepada ibu mertuanya agar memanggil bidan istana dengan menggunakan ujaran "*Tolonglah panggilkan bidan istana*". Permintaan Dayang ini telah dibalas oleh Tengku Permaisuri iaitu ibu mertuanya dengan menggunakan ujaran "*kenapa aku mesti bersusah payah?*". Berdasarkan ujaran Dayang, jelas sekali Dayang meminta pertolongan daripada ibu mertuanya untuk memanggil bidan istana. Ibu mertua Dayang seharusnya menyatakan sama ada persetujuannya untuk membantu Dayang untuk memanggil bidan istana.

Tengku Permaisuri menggunakan ujaran yang mengeksploitasi maksim cara dengan menggunakan ujaran yang berbentuk ayat tanya daripada sudut nahunya. Ayat tanya digunakan dalam komunikasi adalah untuk mendapatkan kepastian, ingin mengetahui tentang sesuatu perkara atau ingin mendapatkan maklumat. Jika dianalisis secara makna harfiahnya, ujaran "*kenapa aku mesti bersusah payah?*" adalah membawa maksud penutur ingin mengetahui sebab dia perlu bersusah payah. "*Bersusah payah*" dalam konteks ujaran ini adalah perbuatan membantu Dayang. Jadi jika dihuraikan ayat tanya tersebut adalah bermaksud "*kenapa dia perlu membantu Dayang?*". Dalam situasi perbualan tersebut, ujaran Tengku Permaisuri sebenarnya tidak mengharapkan penjelasan daripada watak Dayang mengenai "*mengapa dia perlu membantu Dayang*" tetapi ujaran tersebut adalah implikatur yang terhasil daripada eksploitasi maksim cara bertepatan dengan pendapat Virginia Chikita, Patriantoro dan Henny (2018) implikatur yang terhasil daripada

eksploitasi maksim cara adalah apabila ujaran yang digunakan tidak menyatakan sesuatu secara jelas dan mengandungi unsur ambiguiti.

Berdasarkan konteks hubungan Dayang dan Tengku Permaisuri, Dayang menjadi menantu kepada Tengku Permaisuri setelah berkahwin dengan Raja Kamar. Dayang dikahwini Raja Kamar tanpa pengetahuan ibunya, Tengku Permaisuri dan ini menyebabkan ibunya marah akibat perbuatan Raja Kamar kerana Dayang bukanlah menantu pilihan serta wajah Dayang yang buruk kerana berkulit hitam. Oleh kerana perasaan marah dan tidak puas hati terhadap Dayang yang dituduhnya telah menggunakan sihir kepada Raja Kamar sehingga Raja Kamar menikahi Dayang, maka Tengku Permaisuri telah menyeksa Dayang sepanjang ketiadaan Raja Kamar kerana belayar.

Saragi (2016) berpendapat jika penutur menggunakan ujaran yang melanggar maksim cara iaitu ujaran yang digunakan kelihatan samar maka komunikasi yang berlaku akan terganggu kerana kesukaran untuk menginterpretasi ujaran tetapi jika penutur telah membekalkan konteks yang mencukupi maka pelanggaran yang terhasil tidak akan mengganggu pengaliran maklumat yang sebenar. Oleh itu, dengan konteks pengetahuan Dayang dengan apa yang dimaksudkan dengan “bersusah payah” adalah sebagai perlakuan membantunya akan menyusahkan Tengku Permaisuri dan konteks kepercayaan Tengku Permaisuri iaitu Dayang telah menyihir Raja Kamar maka makna implikatur “*Tengku Permaisuri tidak mahu membantu Dayang*” dapat dihasilkan dengan mudah.

Kesimpulan ini adalah relevan kerana dapat dikukuhkan dengan ujaran yang hadir selepas itu “*keluar*” dan “*Aku tak mahu kau mengotorkan istana*” yang merujuk kepada Tengku Permaisuri tidak mahu Dayang berada di dalam istana dan ini dapat memberi maklumat tambahan bahawa Dayang tidak layak berada di dalam istana kerana bukan berketurunan raja dan membenci Dayang. Eksploitasi yang berlaku adalah disebabkan Tengku Permaisuri ingin menyatakan perasaan benci kepada Dayang. Maka ujaran implikatur yang digunakan adalah sebagai sindiran kepada Dayang. Walaupun ujaran yang digunakan dilihat sebagai ayat tanya secara harfiahnya, namun disebabkan eksploitasi maksim cara maka ujaran tersebut telah menghasilkan makna yang cukup mendalam. Ini menunjukkan orang Melayu tidak menyatakan sesuatu perkara yang tidak disukai, dibenci atau cemuhan secara langsung.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, tujuan utama kajian ini adalah untuk menghuraikan eksploitasi maksim Grice dalam perbualan sebagai lambang kehalusan berbahasa masyarakat Melayu. Berdasarkan analisis data dan perbincangan mendapati bahawa terdapat eksploitasi maksim Grice yang berlaku dalam perbualan masyarakat Melayu. Eksploitasi ini terhasil adalah kerana penutur ingin menyatakan kritikan, sebagai unsur jenaka, ingin menyatakan perasaan benci, sayang atau tidak puas hati, meyakinkan, memberi nasihat dan juga berfungsi menjaga hati pendengar. Sebab eksploitasi maksim dalam perbualan juga adalah dipengaruhi oleh status sosial, jarak perhubungan dan pegangan nilai kesopanan masyarakat Melayu. Berdasarkan analisis juga, hanya eksploitasi kualiti, kuantiti dan cara berlaku dalam perbualan masyarakat Melayu. Hal ini kerana kesesuaiannya untuk menyampaikan maksud sebenar penutur dalam data perbualan. Implikatur yang terhasil daripada eksploitasi maksim menunjukkan aspek kehalusan berbahasa masyarakat Melayu menerusi tafsiran makna implikatur tersebut. Hal ini menguatkan lagi hujah bahawa eksploitasi maksim mampu menyampaikan makna atau maklumat yang jelas kepada pendengar.

RUJUKAN

- Aristia Fatmawati. 2017. Pelanggaran prinsip kerja sama dalam tuturan masyarakat Samin (Violation of cooperation principles in the speech of Samin). *Jurnal Ilmiah Kebahasaan* 13(1): 1-13.
- Bloomfield, L. 1935. *Language*. London: Allen & Unwin.
- Carston, R. 2012. Metaphor and the literal/non-literal distinction. In *The Cambridge Handbook of Pragmatics (Cambridge Handbooks in Language and Linguistics)*, edited by K. Allan and K. Jaszczolt, 469-492. Cambridge: Cambridge University Press.
- Dayang Senandong*. 1965. Filem cereka. Singapura: Malay Film Production.
- Ding, C. M. 2009. Kuasa Dalam Sastera Melayu Lama. Paper presented at Seminar Kebangsaan Kekuasaan Dalam Sastera Melayu Nusantara, organised by Dewan Bahasa Dan Pustaka, 25-26 July 2009, Pulau Pinang.
- Fareed Hameed Al-Hindawi & Waleed Ridha Al-Juwaid. 2016. *Pragmatic Analysis of Political Data*. Hamburg: Anchor Academic Publishing.
- Fatin Rabiha & Zaitul Azma. 2017. Ujaran implisit dalam filem Melayu klasik Sri Mersing. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics* 8: 13-24.
- Forough Kazemi & Anis Ebrahimi. 2016. The study of grice principle application in commercial advertisements of Hamshahri and Jame Jam Newspapers. *International Journal On Studies in English Language and Literature (IJSELL)* 4(6): 1-10.

- Grice, H. P. 1975. Logic and conversation. In *Studies in Syntax and Semantics III: Speech Acts*. edited by P. Cole and J. Morgan, 183-98. New York: Academic Press.
- He, Yuanxiu. 2012. Cooperative principle in English and Chinese cultures. *Theory and Practice in Language Studies* 2(1): 132-137.
- Indirawati Zahid. 2018. Analisis maksim perbualan Grice dalam soal jawab TV3. *Issues in Language Studies* 7(2): 16-35.
- Jamilah Bebe, Noriah, & Noor Hafida. 2017. Tinjauan Terhadap Pencabulan dan Perlanggaran Maksim oleh Pelajar Cina di dalam Proses Pembentangan Kerja Kursus Bahasa Melayu. Paper presented at International Conference On Humanities, Language, Culture & Business (2nd Icohlcb), 22-23 April 2017, Pahang.
- Jins Shamsudin. 2014. *Filem Melayu: Citra Budaya dan Rakaman Sejarah*. Sintok: UUM Press.
- Jelani Harun. 2008. *Undang-Undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Leech, G. 1999. *Principles of Pragmatics*. 12th edition. London/ New York: Longman.
- Lus Antika Vinesia Virginia Chikita, Patriantoro & Henny Sanulita. 2018. Pelanggaran maksim dalam film 3 Srikandi. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran* 7(7): 1-12.
- Miranda, I. V. 2013. *The Cooperative, Relevance and Politeness Principles in Jokes: Interpretation and Complementariness*. https://Biblioteca.Unirioja.Es/Tfe_E/Tfe000347.Pdf. Retrieved on: 16 January 2019.
- Norhidayu Hasan
Pembantu penyelidik
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Seksyen Siswazah dan Antarabangsa,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang Selangor.
E-mel: hidayu_hasan@yahoo.com
- Zaitul Azma Zainon Hamzah
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang Selangor.
E-mel: zazh@upm.edu.my
- Nor Azuwan Yaakob
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang Selangor.
E-mel: azuwan@upm.edu.my
- Fazilah Husin
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang Selangor.
E-mel: fazilah@upm.edu.my
- Muhammad Zuhair Zainal, Ahmad Mahmood Musanif, & Al-Amin Mydin. 2018. Makna penutur bagi ujaran tak langsung dalam skrip drama bahasa Melayu. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication* 34 (2): 243-262.
- Ngenget, S. 2017. a revisit of gricean maxims in Manado Malay language. *Script Journal: Journal of Linguistic and English Teaching* 2(2).
- Pop, A. 2012. Implicatures derived through maxim flouting in print advertising: A contrastive empirical approach. Toronto Working Papers in Linguistics (TWPL) 33.
- Rundquist, S. M. 1991. *Flouting Grice's Maxims: A Study of Gender-Differentiated Speech* (Order No. 9116536). (303919871). Retrieved From <https://Search.Proquest.Com/Docview/303919871?Accountid=27932>
- Shimp, T. A. 1983. Evaluative Verbal Content and Deception in Advertising: A Review and Critical Analysis. In *Information Processing Research in Advertising*, edited by R. J. Harris, 195-216. Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum.
- Sperber, D. & Wilson, D. 1986. *Relevance Communication and Cognition*. Cambridge: Harvard University Press.
- Saul, J. 2002. What is said and psychological reality; Grice's project and relevance theorists' criticisms. *Linguistics and Philosophy* 25(3). <http://www.Jstor.Org/Stable/25001852>. Retrieved on: 16 January 2019.
- Tirrell, L. 1991. Reductive and nonreductive simile theories of metaphor. *Journal of Philosophy* 88(7): 337. <https://Search.Proquest.Com/Docview/218170711?Accountid=27932>. Retrieved on: 16 January 2019.
- Taberski, D. J. 1998. *A Gricean Analysis of a Situation Comedy. Theses Digitization Project*. 1439. <https://Scholarworks.Lib.Csub.Edu/Etd-Project/1439>. Retrieved on: 16 January 2019.
- Thakur, V. 2016. Cooperative principle of conversations in Vikram Seth's *Suitable Boy*: A socio-pragmatic assessment of inferential chains of interpretation. *International Journal of Education* 9(1): 24-32.
- Thomas, J. 1995. *Meaning in Interaction: An Introduction to Pragmatics*. London: Longman.
- Wong Shia Ho. 2013. Bahasa figuratif sebagai wahana pemikiran: Satu analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa* 13(1): 39-63.
- Yanthi Monica Saragi. 2016. Flouting maxims in conversational implicature in the Ellen Degeneres Talk Show. *Language Horizon* 4(1): 100-105.
- Yahya Othman. 2005. Budi bahasa dalam pengajaran bahasa. *Jurnal Dewan Bahasa* 5(5): 31-33.
- Zulkifli Mohamad. 2015. Pengalihan Bahasa Ke Bahasa Melayu: Enam Filem Negara Asean Asal. Paper presented at Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu IX, organized by Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (UPM) & Dewan Bahasa dan Pustaka, 3-4 November 2015, Selangor.

Diserahkan: 04 Oktober 2019

Diterima: 03 Mac 2020